

GRADUAN SSS MEMPUNYAI PROSPEK KERJA YANG LUAS



Sekolah Sains Sosial (SSS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memainkan peranannya dalam melahirkan siswazah-siswazah yang berupaya menyumbang ke arah pembangunan negara, bertanggungjawab, berketrampilan dan sedia berkhidmat untuk kesejahteraan nusa dan bangsa. Bagi memenuhi hasrat intelektual tersebut, sekolah ini menawarkan enam program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Sosial yang bersifat multi-disiplin dengan dikendalikan oleh pakar-pakar akademik yang mendapat latihan dan kepakaran dari dalam dan luar negara. Sekolah ini yang ditubuhkan pada tahun 1995 terus meningkatkan usaha dalam memastikan kualiti graduan yang dilahirkan terus diperkasakan melalui pelbagai perancangan yang jitu termasuk menjalin hubungan baik dengan pihak industri, agensi swasta dan kerajaan serta membina hubungan erat dengan masyarakat setempat.

Selain jalinan kerjasama yang

dilaksanakan di dalam negara, Sekolah Sains Sosial turut mengukuhkan hubungan kerjasama dengan Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) di luar negara. Umpamanya, Kerjasama Akademik antara Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Nasional (UNAS), Indonesia dan Sekolah Sains Sosial (SSS) telah dibentuk sejak tahun 2008. Kolaborasi akademik yang telah dibentuk tersebut telah menghasilkan penerbitan Jurnal bersama antara kedua pihak bertajuk "BUMANTARA: Journal of Social and Political Development". SSS juga turut mengadakan kerjasama akademik dengan institusi-intititusi pengajaran tinggi dari Australia seperti University of Wollongong, Mercury University, dan juga Curtin University. Manakala, dari United Kingdom dan Eropah, sekolah ini punya jalinan akademik yang kukuh dengan University of Nottingham dan Maastricht University. Ini terserah dengan kewujudan program MyEulink antara Sekolah Sains Sosial, Nottingham dan Maastricht pada setiap sesi pengajaran akademik. Program MyEulink

sudah pun berjalan selama 1 tahun semenjak dimeterai kerjasama pada tahun 2010.

Selain itu, SSS juga turut menjalinkan hubungan yang erat dengan Yayasan dan badan-badan bukan kerajaan tertentu, seperti SUHAKAM, SIL, ISSRM, Borneo Research Council (BRC), bagi tujuan meluaskan rangkaian kerjasama akademik. Bagi mengukuhkan kedudukan dan pengetahuan SSS di kalangan dunia akademik dan bukan-akademik, SSS turut mengundang tokoh-tokoh kemasyarakatan dan kemanusiaan seperti Dr Chandra Muzaffar, Presiden kepada organisasi bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan keadilan sejagat iaitu Just-World; Prof Dr Richard Falk, ilmuan kemanusiaan antarabangsa yang berjuang bagi keadilan undang-undang rakyat Palestine.

Selain daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kakitangan akademik SSS turut aktif terlibat dalam menjalankan kegiatan penyelidikan khususnya yang bersangkutan dengan persoalan kemasyarakatan seperti kemiskinan, keadilan dan kesejahteraan industri, pengurusan ruang dan sumber; persoalan migran dan migrasi, keselamatan lingkungan dan pelbagai lagi aspek tujuan ilmu sains sosial. Penyelidikan-penyelidikan tersebut

telah mendapat biaya dana daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Keluarga dan Pembangunan Wanita, Arkib Negara, Kerajaan Negeri Sabah, World Wildlife Fund (WWF) antarabangsa, Kerajaan Australia, Yayasan Pengerak Wawasan dan pelbagai agensi lain. Ini menunjukkan bahawa tenaga akademik SSS mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dari sudut kepakaran ilmu yang ada. Pada tahun 2011, terdapat 7 projek penyelidikan yang masih aktif berjalan yang dibiaya dari pelbagai agensi.

Mahasiswa dan mahasiswi di sekolah ini juga sentiasa menunjukkan kecermerlangan dalam pelbagai bidang termasuk bidang akademik dan bukan akademik malah juga dalam penglibatan terhadap aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat. Justeru, graduan-graduan yang ada mempunyai pelbagai peluang kerjaya di dalam dan luar negara.

Antara prospek kerjaya adalah bidang penyiaran, kewartawanan, perhubungan awam, pengiklanan, penyelidikan, perancangan pembangunan, pengurusan alam sekitar, harta tanah dan banyak lagi. Bagi graduan yang berminat dalam bidang akademik juga boleh menceburkan diri sebagai ahli akademik dan guru sekolah.

Bersempena Majlis Konvokesyen ke-13 tahun 2011, seramai 334 orang pelajar Sekolah Sains Sosial yang bergraduat adalah; 56 orang daripada Program Komunikasi, 56 orang pelajar daripada Program Hubungan Industri, seramai 48 orang daripada Program Sosiologi dan Antropologi Sosial, 54 orang pelajar daripada Program Hubungan Antarabangsa, 58 orang pelajar daripada Program Geografi dan 62 orang pelajar daripada Program Sejarah. Pada majlis Konvokesyen ke-13 ini, seorang graduan daripada program Sejarah turut mengukir satu coretan bermakna apabila dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Pingat Emas Naib Canselor di atas kecemerlangan akademik beliau. Syabas dan tahniah diucapkan.

Sejajar dengan keperluan semasa, SSS akan terus berusaha melahirkan graduan yang berupaya menggabungkan pengetahuan teoritikal dengan kemahiran praktikal selaras dengan kehendak pasaran buruh. Ke arah mencapai matlamat tersebut, sekolah ini telah menyediakan kemudahan-kemudahan dan prasarana untuk keselesaan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar selain untuk kegunaan kakitangan. Antara kemudahan tersebut adalah Makmal GIS dan Remote Sensing, Bilik Mesyuarat, Bilik – bilik Kuliah/Tutorial/Seminar, Bilik Studio TV dan Komunikasi, Mini Pusat Sumber dan Ruang santai kakitangan. Kemudahan pembelajaran yang disediakan secara tidak langsung memberi ruang kepada pelajar untuk belajar secara hands on berkaitan bidang pengkhususan masing – masing.

Bagi maklumat yang lebih terperinci dan terkini berhubung dengan SSS boleh dicapai dan dihubungi seperti butiran berikut:

Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu,
Sabah.
Tel: +6 088 320000
Fax: +6 088 320242
<http://www.ums.edu.my/ssb>